

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TENGKU ZULPURI BIN RAJA PUJI [RAUB]

TARIKH : 3 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

**TENGKU ZULPURI BIN RAJA PUJI [RAUB] minta MENTERI ALAM
SEKITAR DAN AIR menyatakan :-**

- (a) senarai serta perincian status kerja (progres) JPS terkini khasnya di Parlimen Raub; dan
- (b) nyatakan dengan terperinci peruntukan dan perbelanjaan jabatan pengaliran dan saliran untuk tempoh 2017 sehingga kini bagi negeri Pahang.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kementerian telah menyalurkan peruntukan di seluruh Negara termasuklah di Negeri Pahang khususnya di Parlimen Raub untuk melaksanakan kerja-kerja sebutharga kecil dengan kos peruntukan berjumlah **RM2,038,000** bagi tahun 2020. Antara projek-projek yang telah dan sedang dilaksanakan di Parlimen Raub adalah Program Pemuliharaan Sungai Untuk Mengurangi Risiko Banjir Pelbagai Negeri dengan peruntukan berjumlah **RM550,000**, Kerja-kerja Penyelenggaraan Kolam Takungan Banjir sebanyak **RM295,000** dan juga Kerja-Kerja Pemuliharaan Sungai Dan Tebatan Banjir Seluruh Malaysia dengan kos peruntukan sebanyak **RM1.193 juta**.

NO. SOALAN : 57

2. Bagi Negeri Pahang, dari tahun 2017 hingga 2020, Kementerian telah menyalurkan peruntukan kepada JPS Negeri Pahang sebanyak RM462,133,847.00 dan perbelanjaan yang telah dibuat sehingga 21 Oktober 2020 adalah sebanyak RM435,790,833.48.

3. Senarai projek- projek pemuliharaan sungai untuk mengurangkan risiko banjir tahun 2020 di Raub Pahang sepeserti berikut:

BIL	PROJEK	KOS PROJEK (RM)	STATUS PROJEK
1.	Kerja-kerja Pemuliharaan Sungai Untuk Mengurangkan Risiko Banjir Serta Kerja-kerja Berkaitan Di Anak Sungai Rotan Tunggal, Mukim Gali 1, Daerah Raub, Pahang Darul Makmur.	RM 100,000	Tarikh Mula : 13/7/2020 Tarikh Siap: 21/9/2020 Status Projek: 100% Siap
2.	Kerja-kerja Pemuliharaan Sungai Untuk Mengurangkan Risiko Banjir Serta Kerja-kerja Berkaitan Di Sungai Chenaan dan Sg. Sejuk Kg. Kuala Atok, Mukim Sega, Daerah Raub, Pahang Darul Makmur.	RM 100,000	Tarikh Mula : 3/8/2020 Tarikh Siap: 12/10/2020 Status Projek: 83% siap
3.	Kerja-kerja Pemuliharaan Sungai Untuk Mengurangkan Risiko Banjir Serta Kerja-kerja Berkaitan Di Sungai Gali, Mukim Gali, Daerah Raub, Pahang Darul Makmur.	RM 200,000	Tarikh Mula : 13/7/2020 Tarikh Siap: 7/9/2020 Status Projek: 100% Siap
4.	Kerja-kerja Pemuliharaan Sungai Untuk mengurangkan Risiko Banjir Serta Kerja-kerja Berkaitan Di Sungai Lipis, Kg Batu Malim, Mukim Batu Talam, Daerah Raub, Pahang Darul Makmur.	RM 150,000	Tarikh Mula : 13/7/2020 Tarikh Siap: 24/8/2020 Status Projek: 100% Siap
JUMLAH		RM 550,000	

NO. SOALAN : 57

4. manakala bagi kerja-kerja penyenggaraan kolam takungan banjir tahun 2020 di Raub, Pahang seperti berikut:

BIL	PROJEK	KOS PROJEK (RM)	STATUS PROJEK
1.	Kerja-Kerja Menaiktaraf Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Kolam Takungan Banjir Taman Tasik Raub (Kolam 1) Raub,Pahang	RM 116,000	Tarikh Mula : 03.08.2020 Tarikh Siap: 26.10.2020 Status Projek: 50% Siap sehingga 30/9/2020.
2.	Kerja-Kerja Menaiktaraf Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Kolam Takungan Banjir Taman Tasik Raub (Kolam 2) Raub,Pahang	RM 45,000	Tarikh Mula : - Tarikh Siap: - Status Projek: Dalam peringkat penyediaan dokumen sebutharga.
3.	Kerja-Kerja Menaiktaraf Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Kolam Takungan Banjir Sg Lui ,Raub,Pahang	RM 25,000	Tarikh Mula : 13.07.2020 Tarikh Siap: 21.09.2020 Status Projek: 50% Siap sehingga 30/9/2020.
4.	Kerja-Kerja Menaiktaraf Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Kolam Takungan Banjir Taman Impian Villa, Raub,Pahang	RM 49,000	Tarikh Mula : 13/7/2020 Tarikh Siap: 24/8/2020 Status Projek: 100% Siap.

NO. SOALAN : 57

5.	Kerja-Kerja Menaiktaraf Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Kolam Takungan Banjir Taman Lily, Raub,Pahang	RM 25,000	Tarikh Mula : - Tarikh Siap: - Status Projek: Dalam peringkat penyediaan dokumen sebutharga.
6.	Kerja-Kerja Menaiktaraf Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Kolam Takungan Banjir Taman Amalina Saujana Raub,Pahang	RM 35,000	Tarikh Mula : 13.07.2020 Tarikh Siap: 21.09.2020 Status Projek: 100% Siap.
JUMLAH		RM 295,000	

Sekian, terima kasih